

**UPNM HOLDINGS SDN. BHD.
UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA**

TAWARAN NO. : UPNM HOLDINGS 04.06/6 (501)

TAJUK KERJA

**TAWARAN SEWAAN RUANG *KASTURI CORNER*
DI BANGUNAN KASTURI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA,
57000 KUALA LUMPUR**

TARIKH TUTUP	:	07 OGOS 2020- 12.00 TENGAHARI
TEMPAT	:	UPNM HOLDINGS SDN. BHD. ARAS BAWAH, BANGUNAN KASTURI UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

COP RASMI PENGUSAHA *KASTURI CORNER*

NO. TEL. PENGUSAHA *KASTURI CORNER*:
NO. FAKS PENGUSAHA *KASTURI CORNER*:

Tawaran ini dikeluarkan oleh:

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.
d/a Aras Bawah, Bangunan Kasturi, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia, Kem
Sungai Besi, 57000 Kuala Lumpur**

UPNM HOLDINGS SDN. BHD.

BORANG TAWARAN

Perhatian:

Borang Tawaran/Sebut harga mesti diisi dengan butir-butir yang lengkap dikembalikan dan di alamatkan kepada:

**UPNM Holdings Sdn. Bhd.
d/a Aras Bawah, Bangunan Kasturi
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sungai Besi
57000 Kuala Lumpur**

Tidak lewat jam 12.00 tengahari pada 07 Ogos 2020 dan mesti dimajukan ke UPNM Holdings Sdn. Bhd., Aras Bawah, Bangunan Kasturi, 57000 Kuala Lumpur dalam sampul surat yang bermeteri dan ditanda dengan :

**TAWARAN UPNM HOLDINGS 04.06/6 (501) - TAWARAN SEWAAN *KASTURI*
CORNER DI BANGUNAN KASTURI, UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL
MALAYSIA dan
TARIKH TUTUP : 07 OGOS 2020 (JUMAAT)**

**Kepada,
Pengarah
UPNM Holdings Sdn. Bhd.**

Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini bersetuju dengan tawaran sewaan *Kasturi Corner* dalam kontrak ini dan akan menjalankan kerja-kerja penyediaan makanan dengan memuaskan atas penilaian UPNM HOLDINGS dan berdasarkan syarat-syarat yang disebut di bawah ini dan lain-lain surat arahan yang diberi oleh pihak UPNM HOLDINGS.

UPNM HOLDINGS tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan oleh Petender.

SYARAT-SYARAT KONTRAK

1. LESEN PERNIAGAAN

Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah mempunyai lesen perniagaan yang berkaitan (ROB/ROC/Lesen Penjaja) untuk menawarkan sebarang perolehan di atas (menyediakan makan/ minum yang halal).

2. **TEMPOH KONTRAK**

(2 + 1) tahun - setelah tamat tahun kedua kontrak, UPNM HOLDINGS akan menilai semula perkhidmatan dan sekiranya memuaskan akan dilanjutkan untuk tempoh satu (1) tahun lagi atau menamatkan untuk tempoh dua (2) tahun sahaja yang telah dijalankan sekiranya perkhidmatan didapati tidak memuaskan berdasarkan penilaian pihak UPNM HOLDINGS. Walau bagaimanapun UPNM HOLDINGS adalah berhak untuk menamatkan kontrak ini pada bila-bila masa dan pihak Pengusaha *Kasturi Corner* tidak berhak untuk menuntut sebarang pampasan/bayaran atas sebarang kerugian yang mungkin di alami.

3. **BAYARAN SEWAAN**

Bayaran sewaan ditetapkan sebanyak **RM 6,000.00 sebulan, bayaran utiliti mengikut penggunaan atau RM72,000.00 setahun.** Syarikat yang berjaya akan dikenakan bayaran deposit bagi sewaan tiga bulan iaitu sebanyak **RM18,000.00** dan bayaran Utiliti sebanyak **RM 1,800.00** Pihak UPNM HOLDINGS akan membuat bayaran balik setelah tamat tempoh kontrak.

4. **BAYARAN BIL AIR/ELEKTRIK**

Segala bil air/elektrik adalah dibawah tanggungjawab Pengusaha *Kasturi Corner* dan hendaklah dipastikan bayaran dibuat pada setiap bulan bagi mengelakkan sebarang kesulitan.

5. **MASA PERKHIDMATAN/JADUAL KERJA/ARAHAN**

- (a) Perkhidmatan adalah menyediakan tenaga kerja, peralatan, pengangkutan secukupnya dan lain-lain keperluan yang wajar untuk menyediakan makan/minum yang ditetapkan di *Kasturi Corner* Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).
- (b) Pengusaha perlu menyediakan peralatan seperti pinggan, mangkuk, cawan, dan gelas yang menggunakan sekurang-kurangnya material melamine. Pengusaha tidak dibenarkan menggunakan peralatan dengan material plastik.
- (c) Perkhidmatan hendaklah dijalankan mengikut ketetapan yang diarahkan oleh Pegawai Penguasa dari masa ke semasa.
- (d) Pegawai Penguasa berhak mengarahkan Pengusaha *Kasturi Corner* untuk menyediakan tong sampah di kawasan kantin serta menguruskan pembuangan sampah pada setiap hari.
- (e) Pihak UPNM HOLDINGS berhak mengenakan caj jika aspek kebersihan tidak dipatuhi oleh Pengusaha *Kasturi Corner*.

6. **PEKERJA**

- (a) Semua pekerja hendaklah di dalam perlantikan tetap Pengusaha *Kasturi Corner* dan pekerja-pekerja mestilah bebas dari penyakit berjangkit dan penagihan dadah. Semua pekerja juga adalah dikehendaki mengambil suntikan yang diwajibkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia seperti suntikan tifiod dan sebagainya. Pekerja yang bukan warganegara hendaklah dipastikan mempunyai dokumen bekerja yang sah dari segi undang-undang.
- (b) Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah memastikan pekerja-pekerja yang dibekalkan berkelakuan baik pada setiap masa dan patuh pada arahan yang diberikan oleh Pegawai Penguasa yang dilantik oleh UPNM HOLDINGS. Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah menggalakkan pekerja-pekerjanya memelihara perhubungan baik dengan kakitangan UPNM HOLDINGS khususnya dan Universiti amnya.
- (c) Setiap pekerja hendaklah diwajibkan memakai pakaian seragam syarikat, menutup kepala bagi pekerja di bahagian penyediaan makanan/minuman dan berkasut tertutup.
- (d) Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah sebelum kontrak bermula menyediakan semua nama pekerja-pekerja yang diambil bekerja olehnya untuk kontrak ini bersama dengan butir-butir berikut:
 - (i) Nama
 - (ii) Alamat
 - (iii) Nombor Kad Pengenalan
 - (iv) Kerakyatan
 - (v) Jantina Dan Umur
 - (vi) Gaji
 - (vii) Lain-lain maklumat berkaitan, jika diminta oleh Pegawai Penguasa.
- (e) Pegawai Penguasa berhak membantah dan mengarah Pengusaha *Kasturi Corner* mengeluarkan dengan serta-merta tanpa notis daripada kawasan kampus mana-mana pekerja yang mengingkari peraturan-peraturan di atas, pada pandangannya telah berkelakuan buruk atau tidak bekerja/malas atau telah cuai menjalankan kerja dengan sempurna atau pengambilannya difikirkan sebagai tidak dikehendaki.

Mana-mana pekerja yang dibuang demikian kerja hendaklah diganti seberapa segera dengan pengganti yang cekap dan dipersetujui oleh Pegawai Penguasa bagi memastikan kerja-kerja dapat dijalankan tanpa tertangguh.

7. **PENGAWASAN PENGUSAHA KASTURI CORNER**

Bagi maksud kesempurnaan dan kelincinan perjalanan kontrak ini, Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah melantik seorang Penyelia yang bertanggungjawab dalam apa-apa hal mewakili Pengusaha *Kasturi Corner* semasa ketiadaannya dan apa-apa arahan yang

diberi kepada wakil itu oleh Pegawai Penguasa hendaklah dianggap sebagai telah diberi kepada Pengusaha *Kasturi Corner*.

8. **PERUBATAN DAN INSURAN/KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA DAN PERKESO**

Penyediaan segala kemudahan ini adalah dibawah tanggungjawab Pengusaha *Kasturi Corner*.

9. **PERATURAN KESELAMATAN**

- (a) Pengusaha *Kasturi Corner* yang berjaya tidak boleh melanggar Akta Buruh Jan, 1992, iaitu pengambilan buruh tanpa kelulusan pihak berkuasa.
- (b) Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan yang berkuatkuasa sekarang mahupun yang akan datang dan akan menanggung segala kos yang terlibat menguatkuasanya.
- (c) Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah bertanggungjawab untuk mengambil segala langkah-langkah keselamatan yang perlu bagi mengelakkan pekerja-pekerja dan orang ramai serta harta benda daripada bahaya.

10. **URUSAN PAS KESELAMATAN DI DALAM KEM**

- (a) Permohonan pas keselamatan di Kem Sungai Besi bagi sebarang urusan keluar masuk di dalam kem adalah dibawah tanggungjawab Pengusaha *Kasturi Corner*. Pihak UPNM HOLDINGS hanya membantu membuat pengesahan bagi mendapatkan pas.

11. **KEMALANGAN/KECEDERAAN DAN KEROSAKAN KEPADA HARTA UNIVERSITI**

- (a) Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah dengan serta-merta memaklumkan kepada Pegawai Penguasa apa-apa kemalangan atau kerosakan yang berlaku di kawasan kerja. Pengusaha *Kasturi Corner* hendaklah membayar ganti rugi kepada orang perseorangan dan juga UPNM HOLDINGS terhadap apa-apa tuntutan kerana kemalangan dan kerosakan yang disahkan telah disebabkan oleh kecuaiian Pengusaha *Kasturi Corner* atau pekerja semasa menjalankan kerja-kerja.

12. **MENYEDIA/MENGEMUKAKAN KEPADA UPNM HOLDINGS DOKUMEN BERIKUT:**

- (a) Satu perjanjian dokumen kontrak berhubung tawaran ini akan disediakan oleh UPNM HOLDINGS dan apa-apa kos yang berkaitan adalah tanggungjawab pihak Pengusaha *Kasturi Corner*.

13. YANG BERTANDATANGAN DI BAWAH INI BERSETUJU BAHAWA :

- (a) Jika tawaran ini ditarik balik sebelum tamatnya Tempoh Sah Tawaran atau apa-apa tempoh lanjutan, atau
- (b) Jika yang bertandatangan di bawah ini mengenakan apa-apa had, syarat atau janji tambahan kepada tawaran ini selepas tarikh akhir yang ditetapkan bagi penyerahan tawaran, atau
- (c) Jika sekiranya tawaran telah disetujuterima yang bertandatangan di bawah ini enggan dan tidak melaksanakan Perjanjian Kontrak yang formal sebagaimana dikehendaki oleh Syarat-syarat Kontrak atau tidak meneruskan kerja-kerja, maka dalam mana-mana hal itu, tanpa menyentuh apa-apa hak lain yang ada padanya, UPNM HOLDINGS sentiasa berhak mengambil tindakan tatatertib terhadap yang bertandatangan di bawah ini atau membatalkan pendaftaran di bawah ini sebagai Pengusaha *Kasturi Corner* UPNM HOLDINGS, iaitu digantung pendaftaran selama dua (2) tahun bagi kesalahan pertama, lima (5) tahun bagi kesalahan kedua dan dipotong pendaftaran bagi kesalahan seterusnya, sebagaimana difikirkan perlu oleh UPNM HOLDINGS.

- 14.** Jumlah Harga yang ditawarkan untuk menjalankan kerja-kerja - Perkhidmatan Menyediakan Makan/Minum Di *Kasturi Corner* UPNM HOLDINGS di Bangunan Lestari, Universiti Pertahanan Nasional untuk tempoh dua (2) satu (1) tahun ialah sebanyak :

RINGGIT

MALAYSIA:_____

(RM_____)

COP RASMI SYARIKAT/PENGUSAHA *KASTURI CORNER*:

NAMA :_____ (HURUF BESAR) _____ (TANDATANGAN)

JAWATAN :_____

NO. KAD PENGENALAN:_____ TARIKH:_____

ALAMAT

:_____

Saksi

NAMA : _____
(HURUF BESAR) (TANDATANGAN)

JAWATAN : _____

NO. KAD PENGENALAN: _____ TARIKH: _____

ALAMAT
: _____

Cadangan Perkhidmatan Menyediakan Makan/Minum di *Kasturi Corner* di Bangunan Lestari,
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

CONTOH PENYEDIAAN SEBUTHARGA BAGI MAKAN/MINUM

ITEM	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)
1. Menu Sarapan pagi		
(i) Nasi Lemak	1	
(ii) Mee Goreng	1	
(iii) Mee Hun Goreng	1	
(iv) Mee Sup	1	
(v) Mee Hun Sup	1	
(vi) Kuey Tiaw Goreng	1	
(vii) Nasi Goreng	1	
(viii) Kuih	1	

ITEM	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)
2. Menu Makan Tengahari		
(i) Ayam Goreng	1	
(ii) Sayur Goreng	1	
(iii) Sayur Lemak	1	
(iv) Ikan Goreng	1	
(v) Ayam Masak Lemak	1	
3. Menu Petang		
(i) Kuih Karipap	1	
(ii) Kuih Cara	1	
(iii) Kuih Bingka Ubi	1	
4. Minuman		
(i) Air Kosong	1	
(ii) Air Sirap	1	
(iii) Teh O Panas	1	
(iv) Teh	1	
(v) Nescafe Panas	1	
(vi) Nescafe Ais	1	

*** Catatan :**

Tawaran Sebutharga Adalah Tidak Terhadap Kepada Menu Di Atas Sahaja.
Senarai Menu Di atas Adalah Sebagai Garis Panduan Dalam Penyediaan Sebutharga.

Pengusaha Kasturi Corner :-

Saksi :-

Tandatangan	:	_____	Tandatangan:	_____	
Nama	:	_____	Nama	:	_____
No.Kad Peng.	:	_____	No.KadPeng.	:	_____
Jawatan	:	_____	Jawatan	:	_____
Alamat	:	_____	Alamat	:	_____
		_____			_____
No Telefon	:	_____	No Telefon	:	_____
Tarikh	:	_____	Tarikh	:	_____

Meterai atau Cop Rasmi Pengusaha *Kasturi Corner*

15. Keterangan Petender / Syarikat

(a) Pendaftaran lesen perniagaan

(b) Nama Syarikat : _____

Alamat Syarikat: _____

(c)

- i) No. Sijil Lesen Perniagaan _____
- ii) Tempoh sah laku lesen perniagaan _____
- iii) Tarikh Mula: _____ Tarikh Tamat: _____
- iv) Taraf : Bumiputera / Bukan Bumiputera (*potong yang tidak berkaitan)

- (d) Pendaftaran Sebagai Pengusaha *Kasturi Corner* Bertaraf Bumiputera (kepada yang berkenaan)
- (e) Laporan Kerja-kerja yang telah / sedang dijalankan .
- (i) Keterangan sekiranya pernah atau sedang menjalankan perkhidmatan kerja-kerja di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Bil	No. Kontrak/tawaran	Keterangan Kerja	Tempoh	Nilai Kontrak

Nota : Sila Sertakan lampiran sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi.

Tandatangan : _____ Nama : _____

Tarikh : _____

Meteri atau Cop Rasmi Pengusaha *Kasturi Corner*

- (f) Profail Syarikat.
- (i) Keterangan perkhidmatan kerja yang berkaitan yang pernah atau sedang dijalankan untuk tempoh mulai 01.01.2007 hingga sekarang (selain di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia)

Bil	No. Kontrak/Tawaran	Keterangan Kerja & Tempat	Tempoh	Nama Pegawai Penguasa & Nombor Telefon	Nilai Kontrak

Nota : Sila sertakan lampiran sekiranya ruang disediakan tidak mencukupi.

- (ii) Petender mesti mengemukakan keterangan yang diperlukan dan berkaitan seperti yang dinyatakan di atas dengan menyertakan salinan dokumen-dokumen berkaitan seperti dinyatakan diperenggan 17(a) hingga 17(h) untuk menyokong tawaran masing-masing. Kegagalan mengemukakan laporan lengkap dan menyertakan salinan dokumen yang dinyatakan akan menyebabkan tawaran ini untuk tidak dipertimbangan.

Tandatangan : _____ Nama : _____

Tarikh: _____

Meteri atau Cop Rasmi Pengusaha *Kasturi Corner*

- (g). Kewangan / Modal

- (a) Status syarikat : Perseorangan / Perkongsian / Syarikat Sdn. Bhd. / Syarikat Berhad.

(b) Modal Dibenarkan : RM_____

(c) Modal Berbayar : RM_____

(d) Modal Pusingan : RM_____

(e) Penyata Bank / Kewangan (sila kemukakan salinan bagi enam (6) bulan terakhir dan Salinan dokumen berkaitan untuk rujukan penilaian tawaran.)

Tandatangan : _____ Nama : _____

Tarikh: _____

Meteri atau Cop Rasmi Pengusaha *Kasturi Corner*

16. PEMBERIAN MILIK/PEMAJAKAN KONTRAK

(a) Pengusaha *Kasturi Corner* adalah tidak dibenarkan memberi milik kontrak ini atau mana-mana bahagiannya, menggadai janji, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa jua dari wang yang kena bayar atau yang telah genap masanya untuk dibayar di bawah perjanjian ini. Kontrak ini dan apa-apa faedah yang terlibat atau mungkin terbit dari perjanjian ini dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis daripada UPNM HOLDINGS.

17. REPRESENTASI DAN WARANTI

(a) Pengusaha dengan ini mengakujani bahawa segala keterangan yang dikemukakan adalah *Kasturi Corner* benar.

(b) Pengusaha *Kasturi Corner* adalah sebuah syarikat yang sah ditubuhkan di Malaysia dengan mempunyai kuasa dan layak untuk menjalankan kontrak tersebut dengan menyempurnakan segala kehendak undang-undang untuk menjalankan kontrak tersebut.

(c) Segala tindakan yang perlu dan wajar telah diambil oleh Pengusaha *Kasturi Corner* untuk melayakkan menandatangani perjanjian ini.

(d) Tidak ada tindakan undang-undang atau apa-apa prosiding telah diambil atau sedang dijalankan di Mahkamah atau badan lain yang boleh menggugat atau memberi kesan kepada keadaan dan perniagaan Pengusaha *Kasturi Corner*.

(e) Segala kebenaran, lesen dan hal-hal lain yang berkaitan dengan perniagaan Pengusaha

Kasturi Corner telah diperolehi dan disempurnakan dan tidak ada apa-apa keadaan atau syarat-syarat yang boleh menyebabkan kebenaran atau lesen Pengusaha *Kasturi Corner* ditarik balik.

- (f) Segala butiran atau keterangan termasuk keadaan kewangan Pengusaha *Kasturi Corner* yang dikemukakan kepada UPNM HOLDINGS adalah benar belaka.
- (g) Bahawasanya repretasi dan waranti yang telah diberikan di atas akan berkuatkuasa dalam tempoh berkuatkuasanya perjanjian ini.

18. PENGAKUAN PETENDER

- (a) Saya/kami yang bertandatangan di bawah ini telah membaca dengan teliti dan memahami semua arahan yang terkandung di Borang / Dokumen Tawaran.
- (b) Saya/kami faham keterangan/ maklumat yang dikemukakan dan dokumen berkaitan yang dikemukakan adalah bagi menyokong tawaran ini. Maklumat yang diambilkira kemudian selepas tawaran ini ditutup tidak akan diambilkira untuk di ambil penilaian keupayaan syarikat saya/kami.
- (c) Saya/kami juga maklum bahawa penilaian ke atas tawaran ini akan terjejas atau mungkin tidak dipertimbangkan langsung sekiranya maklumat-maklumat yang diberikan tidak diisi atau tidak mencukupi atau tiada dokumen sokongan yang lengkap dan telah disahkan.
- (d) Saya/kami dengan ini mengaku bahawa segala maklumat yang diberikan adalah betul dan benar belaka. Saya/kami juga bersetuju bahawa UPNM HOLDINGS boleh bertindak mengikut budibicaranya sendiri untuk mengetahui kedudukan sebenar maklumat yang dinyatakan.
- (e) Sekiranya mana-mana maklumat yang dinyatakan didapati tidak benar, UPNM HOLDINGS berhak untuk membatalkan tawaran ini atau menarik semula kontrak berkenaan kemudian.

.....

Dengan disaksikan oleh pihak-pihak di sini, kedua-dua pihak menurunkan tandatangan pada seperti yang tersebut di atas.

Ditandatangani Bagi Pihak
UPNM Holdings Sdn. Bhd.

)
)
Nama :
No. KP :
Jawatan :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
No.KP :
Jawatan:

Ditandatangani oleh atau
bagi Pihak Pengusaha di hadapan

)
)
Nama :
No. KP :
Jawatan :

.....
Tandatangan Saksi

Nama :
No.KP :
Jawatan :